

# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

26 SEPT 2016

ISNNIN



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	'TERPAKSALAH KAMI BERLAPAR'	2
SINAR HARIAN	AADK JOHOR TERIMA PERUNTUKAN RM 1.5 JUTA TAHUN DEPAN	3
HARIAN METRO	40 SUKARELAWAN BAIKI RUMAH KELUARGA MISKIN	4
HARIAN METRO	RM 1.5J PERUNTUKAN TANGANI DADAH	5
THE STAR	PASIR GUDANG THE WORST FOR DRUGS	6



# SINAR HARIAN

## SA 26/9/16 ‘Terpaksa kami berlapar’

Keperitan hidup 10 beranak dapat perhatian program Johor Future 2016

■ AZLINA OTHMAN

**JOHOR BAHRU** – “Pernah kami sekeluarga kehabisan wang untuk dibuat belanja. Terpaksa kami berlapar atau makan apa yang ada di rumah,” ujar Rosnawati Ismail, 40, yang tinggal di Flat E, Taman Molek, di sini.

Situasi yang dialami Rosnawati bersama lapan anaknya itu menjadi lebih pekrit tatkala suaminya, Ismail Ahmad, 65, jatuh sakit dan tidak dapat keluar bekerja.

“Suami saya bekerja dengan syarikat bas di Kompleks Kuarantin, Imigresen dan Kastam (CIQ) yang mana tugasnya adalah memanggil para pelanggar supaya menakli bas terbabit dan dibayar gaji sekitar RM30 setiap hari. Sekiranya suami saya demam berpanjangan, dia tidak dapat keluar bekerja seperti biasa. Mujur suami tidak mempunyai penyakit serius, namun hanya mempunyai sedikit masalah penglibatan.

“Namun, sekiranya hanya sakit sedikit-sedikit dia tetap



Mereka yang menjayakan program Johor Future 2016 bergambar bersama.

gagah diri keluar rumah dan berjalan kaki ke pondok bas untuk menaiki pengangkutan awam seperti biasa ke tempat kerjaya kerana kami tidak mempunyai kenderaan sendiri,” katanya.

Katanya, wang gaji suaminya turut diperlukan untuk membayar sewa rumahnya yang berjumlah RM250

sebulan.

“Akibat kesusahan yang dialami, hampir setahun juga rumah kami terputus bekalan elektrik kerana tidak mampu menjelaskan tunggakan billya yang mencapai ratusan ringgit ketika saya baru melahirkan anak bongsu kira-kira dua tahun lalu.

“Mujur, jiran sebelah pri-

hatin dan tolong sambungkan elektriknya di sebelah malam kerana kasihan saya mempunyai anak-anak yang kecil” katanya yang turut mendapat simpati daripada iran.

Terdahulu, keluarga tersebut mendapat perhatian menerusi program Johor Future 2016 membabitkan Sukarelawan Johor Darul Ta'zim (JDT), pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang dan Politeknik Ibrahim Sultan, Skuad


Muafakat Pemuda Umno Pasir Gudang serta Skuad Prihatin Gerakan Belia 4B Pasir Gudang.

Kesemua mereka bergotong-royong membersihkan kawasan rumah Rosnawati dan dua lagi kediaman lain yang memerlukan serta memperbaiki peralatan ketiga-tiga rumah yang mengalami kerosakan.

Program tersebut disempurnakan Pembantu Khas Menteri Besar Johor, Tan Cher Puk yang turut menghulurkan bantuan kira-kira RM4,000 sebagai membayai program tersebut.

Hadir sama, Penyelaras Sukarelawan JDT, Tunaim Saliman dan Pengerusi Biro Kebajikan Pemuda Umno Pasir Gudang dan Pengurus Gerakan Belia 4B Pasir Gudang, Mohd. Khairul Sulong.

Mengulas tentang bantuan yang diterima, Rosnawati bersyukur dengan kepuhanan kesemu pihak serta tidak sangka menerima bantuan tersebut.



# SINAR HARIAN

SH 26/9/16

## AADK Johor terima peruntukan RM1.5 juta tahun depan

**JOHOR BAHRU** – Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Johor dijangka menerima peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM1.5 juta tahun depan bagi melaksanakan program membanteras dadah di negeri ini.

Pengaruhnya, Sidek Jaffar berkata, jumlah itu meningkat berbanding RM1 juta yang diperuntukkan bagi tahun ini berikutan kebimbangan berterusan terhadap masalah penagih dadah di negeri ini.


Katanya, Johor berada di tangga keenam bagi statistik keseluruhan dadah di seluruh negara dan sebanyak 23 kawasan berisiko tinggi dikenal pasti di negeri ini termasuk Pasir Gudang, Skudai, Tampoi, Batu Pahat dan Kota Tinggi.

“Sebelum ini kita berada di tangga kelima, walaupun menurun ke tangga keenam tetapi masalah berkaitan dadah di negeri ini masih membimbangkan.

“Bilangan penagih yang dikenal pasti semakin meningkat dengan purata enam orang sehari atau 188 penagih sebulan” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Program Seminar Memperkasa Komuniti -Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) yang turut dihadiri Ahli Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad, di sini, semalam.

Selain itu, Sidek berkata, seramai 5,034 penagih dilaporkan di negeri ini bagi tempoh Januari hingga Ogos termasuk 1,218 daripadanya merupakan kes berulang, manakala 3,212 merupakan kes baru.



# HARIAN METRO

Johor Bahru Hm 26/9/16

## 40 sukarelawan baiki rumah keluarga miskin

"Alhamdulillah, jasa mereka tidak saya lupakan dan ingin mengucapkan terima kasih di atas bantuan membaik pulih rumah ini," kata Rosmawati Ismail, 40, yang terpilih dalam program sukarelawan Johor Future 2016, di Rumah Pangsa Taman Molek, di sini, semalam.


Seramai 40 sukarelawan terdiri daripada Gerakan Belia 4B Pasir Gudang, pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pasir Gudang dan penduduk setempat bersama Ketua MCA Pasir Gudang, Tan Cher Puk bekerjasama

membaik pulih rumah keluarga miskin itu.

Rosmawati dan suaminya, Ismail Ahmad, 65, bersama lapan anak berusia satu hingga 15 tahun bersyukur rumah sewa diduduki mereka dibaik pulih dalam program itu.

"Suami saya tidak berupaya melakukan kerja membaik rumah berikutkan keadaan kesihatannya sejak mengalami masalah selaput mata empat tahun lalu," katanya.

Rosmawati berkata, mereka sekeluarga menyewa rumah itu empat tahun lalu.



# HARIAN METRO

Johor Bahru HM 26/9/16

## **RM1.5j peruntukan tangani dadah**

Kerajaan negeri dijangka menyalurkan peruntukan RM1.5 juta bagi membolehkan pelbagai program menangani isu dadah dilaksanakan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) negeri tahun hadapan.

Pengaruh AADK negeri, Sidek Jaffar berkata, peningkatan peruntukan berbanding RM1 juta tahun ini susulan kebimbangan berterusan terhadap masalah penagihan dadah.

"Antara usaha dilakukan ialah menganjurkan

seminar kepada ketua komuniti mengenai bagaimana menggerakkan program pendidikan.


"Kami berbincang bagaimana kita boleh memasuki sekolah menengah," katanya selepas Majlis Memperkasa Komuniti Perangsi Dadah Habis-Habiisan (PDHH), di sini, semalam.

Beliau berkata, 178 kawasan berisiko dikenal pasti di seluruh negara dengan 14 lokasi dipilih untuk PDHH pada peringkat pertama.

"Di Johor, kawasan Pasir Gudang antara yang bakal diberi tumpuan untuk kempen pertama ini dengan mengambil kira ia mempunyai Projek Perumahan Rakyat (PPR), FELDA dan kawasan nelayan.

"Di Pasir Gudang, ada 428 orang kena pengawasan (OKP) atau 26.75 peratus daripada keseluruhan 1,600 OKP.

"Kami juga akan perangi habis-habisan dadah di Skudai, Taman Perlis dan Batu Pahat," katanya.



# THE STAR

STAR 26/9/16

## Pasir Gudang the worst for drugs

**JOHOR BARU:** Pasir Gudang is top on the list of 23 drug hot-spots in the state.

Johor National Anti-Drugs Agency director Sidek Jaffar said the other areas were Skudai, Tampoi, Batu Pahat and Kota Tinggi. He said Pasir Gudang had the most number of drug addicts, both new and repeat offenders, as the area was large and had fishing villages, Felda settlements and flats under the housing project for the hardcore poor.

From January to August this year, there were 5,034 drug abusers in which 25% were relapse addicts. Johor is ranked sixth nationwide in terms of drug abusers after Penang, Selangor, Kedah, Perak and Kelantan.

